



**NOTIS  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**MAKLUMAN TERKINI  
PENGENDALIAN KULIAH SARJANA MUDA  
SELEPAS CUTI PERTENGAHAN SEMESTER  
A212**

Merujuk kepada keputusan Universiti melalui pengumuman pada 18 Februari 2022 mengenai pengendalian kursus bagi Semester A212 yang akan dikendalikan secara dalam talian bagi lima (5) minggu pertama pengajian iaitu mulai 27 Mac – 28 April 2022, Pengurusan Universiti memutuskan agar pengendalian kuliah secara dalam talian dilanjutkan lagi bagi tempoh seminggu iaitu sehingga minggu ke enam (6) iaitu mulai daripada 8 – 14 Mei 2022. Kuliah secara bersemuka (bagi kursus yang telah ditetapkan secara bersemuka) hanya akan bermula pada 16 Mei 2022.

Perkara ini adalah untuk memberikan ruang kepada pergerakan pelajar untuk kembali ke kampus bagi mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid selepas cuti pertengahan semester.

Semua pihak adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan proses PdP ini berjalan dengan lancar.

Sekian, harap maklum

Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Utara Malaysia

14 April 2022